

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2010/2011

November 2010

YFP 324 – Kajian Sinema

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Arah pandangan (*gaze*) yang dominan dalam sinema adalah arah pandangan lelaki. Bincangkan perkara ini dengan menggunakan contoh filem yang berkaitan. Perbincangan haruslah memberikan penekanan kepada konsep-konsep *narcissistic*, *lack*, *disavowal* dan *castration threat*.
2. Salah satu ciri-ciri melodrama ialah kebolehannya untuk membincang dan memberikan penyelesaian kepada isu-isu moral dan konflik kehidupan. Bincangkan pernyataan ini secara kritis.
3. Apakah ciri-ciri *auteur* dan pada pendapat anda adakah ia satu konsep yang masih sahih untuk digunakan dalam menjalankan analisis sinematik?
4. Dengan membincangkan filem 'Kayuh' dan 'Sesudah Tsunami', sejauhmanakah aktivisme filem boleh dimajukan sebagai satu bentuk budaya filem alternatif di Malaysia?
5. Sinema nasional yang dimajukan di Malaysia tidak mengambil kira kepelbagaian bentuk budaya yang wujud dalam masyarakat. Bincangkan secara kritis kenyataan ini dengan mengambil contoh dari filem tempatan yang sesuai.
6. "...naratif adalah cara penyusunan elemen ruang dan masa dalam satu perhubungan sebab dan akibat, mempunyai awalan, pertengahan dan akhiran yang memberi kefahaman terhadap peristiwa yang dipersembahkan" (Edward Branigan, 1992:3). Bincangkan kenyataan ini dengan menggunakan contoh yang jelas.